

# DASAR PINDAAN

- MEWAJIBKAN PERMOHONAN Sijil Halal dan Permit Halal** ke atas pemilik perniagaan yang berkaitan dengan makanan di Negara Brunei Darussalam.
- Meluaskan skop pensijilan halal kepada:-**
  - produk perubatan;
  - produk kosmetik;
  - barang gunaan;
  - Perkhidmatan (logistik)
- Memperkenalkan dan menguatkuasakan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun (compoundable offences).**

JENIS PERNIAGAAN	KEWAJIPAN MEMOHON SIJIL & PERMIT HALAL
Penyediaan Makanan	WAJIB
Perkhidmatan	TIDAK WAJIB
Produk Makanan (Dalam Negara)	WAJIB
Produk Makanan (Luar Negara)	TIDAK WAJIB
Produk Bukan Makanan (seperti kosmetik / perubatan bukan oral / barang gunaan)	TIDAK WAJIB

Pemohon adalah –

- seorang **rakyat** Negara Brunei Darussalam;
- seorang **penduduk tetap**; atau
- suatu badan korporat yang didaftarkan atau diperbadankan** di bawah sebarang undang-undang bertulis lain di Negara Brunei Darussalam.

## TEMPOH PERALIHAN ( GRACE PERIOD )

dalam  
Bab 4 (3) & (4),  
Bab 10 (4) & (5)

- Perniagaan yang beroperasi **sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini**  
**Memohon dalam masa 6 bulan** dari permulaan kuat kuasa Perintah ini;
- Perniagaan yang beroperasi **pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini**  
**Memohon dalam masa 6 bulan** dari tarikh ia mula beroperasi.
- Pemohon dikehendaki **membuat permohonan** dalam tempoh peralihan tersebut.  
*(tidak semestinya memiliki suatu sijil atau permit)*

### SIJIL HALAL

- Permohonan dikhatususkan dan diwajibkan kepada Penyediaan Makanan termasuk Restoran / Kafe; Medan Selera (Food Court); Dapur Pusat (Central Kitchen)
- Permohonan juga dibuka untuk perkhidmatan

### PERMIT HALAL

- Permohonan dikhatususkan dan diwajibkan kepada Penyediaan Makanan di kemudahan pemprosesan makanan termasuk Kilang Pemprosesan Produk Makanan.
- Permohonan juga dibuka untuk produk bukan makanan

## HUBUNGI KAMI

Bahagian Kawalan Makanan Halal Tingkat Bawah  
Jabatan Hal Ehwal Syariah  
Kementerian Hal Ehwal Ugama (Bangunan Lama)  
Jalan Elizabeth II  
Bandar Seri Begawan BS3510

Hotline Aduan: 7166222  
Emel: bkmh@mora.gov.bn  
applyhalal@mora.gov.bn  
Laman Web: www.kheu.gov.bn  
Facebook: Bahagian Kawalan Makanan Halal,  
JHES, KHEU

**"MAKANAN HALAL, TANGGUNGJAWAB BERSAMA"**



كمترن حاصل اكالم  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# PERINTAH SIJIL HALAL DAN LABEL HALAL, PINDAAN 2017

## KUATKUASA

TARIKH DIWARTAKAN:  
**26 JANUARI 2017**

TARIKH DIKUATKUASAKAN:  
**26 MEI 2017**  
(4 bulan selepas diwartakan)

TARIKH GRACE PERIOD TAMAT:  
**26 NOVEMBER 2017**  
(6 bulan selepas dikuatkuasakan)

**Mengukuhkan** Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 yang membolehkan pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama atau agensi-agensi Kerajaan berkenaan untuk **melaksanakan penguatkuasaan** terhadap premis yang sudah bersijil Halal.

**Meningkatkan pengawalan** kehalalan makanan bagi premis perniagaan.

**Memastikan makanan dan produk yang dijual dan perkhidmatan** tertentu di Negara Brunei Darussalam terjamin kehalalannya.

**Memberi keyakinan** kepada masyarakat Negara Brunei Darussalam dalam pemilihan makanan yang tidak diragui kehalalannya.

# KESALAHAN-KESALAHAN

## SIJIL HALAL

BAB	KESALAHAN	DENDA
4 (5)	Gagal memohon Sijil Halal bagi penyediaan makanan	Denda <\$8,000 atau Penjara <2 tahun atau kedua-duanya. <\$100 bagi setiap hari selepas disabitkan
6 (3)	Pelanggaran sebarang syarat Sijil Halal	Sijil Halal boleh digantung atau dibatalkan
6 (4)	Penggunaan sebarang ungkapan lain yang menunjukkan atau mungkin difahami sebagai menunjukkan bahawa <i>orang Islam adalah dibenarkan</i> untuk memakan makanan itu	Denda <\$8,000 atau Penjara <2 tahun atau Kedua-duanya

## SIJIL HALAL YANG MANSUH

BAB	KESALAHAN	DENDA
35	Pemegang sijil yang mempamerkan sijil yang telah tamat tempohnya di tempat perniagaan	Denda <\$4,000 atau Penjara <1 tahun atau Kedua-duanya

## KUASA MAJLIS UNTUK MEMBATALKAN

Dengan tidak menghiraukan sebarang peruntukan lain dalam Perintah ini, Majlis boleh membatalkan suatu sijil atau permit jika Majlis berpuas hati bahawa pemegang sijil atau pemegang permit, mengikut mana yang berkenaan, melanggar atau telah melanggar sebarang peruntukan Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya.

## BAB 49A

(1) Menteri atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya bagi maksud itu boleh **mengkompaun** sebarang kesalahan terhadap Perintah ini yang ditetapkan sebagai *suatu kesalahan yang boleh dikompaun / compoundable offences* dengan memungut daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu **sejumlah wang tidak melebihi \$500**

(2) Setelah mematuhi sebarang syarat tersebut dan setelah membayar jumlah wang tersebut, **tiada prosiding lanjut** boleh diambil terhadap orang itu berkaitan dengan kesalahan itu

## BAB 49B

Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Majlis boleh secara bertulis **MENGECUALIKAN** mana-mana orang atau golongan orang daripada semua atau mana-mana peruntukan Perintah ini *tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan olehnya*.

\*Peniaga masih dikehendaki untuk membuat permohonan sebelum diberikan pengecualian.

## PERMIT HALAL

BAB	KESALAHAN	DENDA
10 (6)	Gagal memohon Permit Halal bagi pemprosesan produk makanan	Denda <\$8,000 atau Penjara <2 tahun atau kedua-duanya. <\$100 bagi setiap hari selepas disabitkan
12 (2)	Pelanggaran sebarang syarat Permit Halal	Permit Halal boleh digantung atau dibatalkan
12 (3)	Penggunaan sebarang ungkapan lain yang menunjukkan atau mungkin difahami sebagai menunjukkan bahawa <i>orang Islam adalah dibenarkan</i> untuk memakan makanan itu	Denda <\$8,000 atau Penjara <2 tahun atau Kedua-duanya

## MELANGGAR PERATURAN MAJLIS

BAB	KESALAHAN	DENDA
37	Gagal mematuhi atau melanggar sebarang perintah atau arahan Majlis, sebarang kehendak dan syarat	Denda <\$8,000 atau Penjara <2 tahun atau Kedua-duanya

- (1) Menteri atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya bagi maksud itu boleh **mengkompaun** sebarang kesalahan terhadap Perintah ini yang ditetapkan sebagai *suatu kesalahan yang boleh dikompaun / compoundable offences* dengan memungut daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu **sejumlah wang tidak melebihi \$500**.
- (2) *Setelah mematuhi sebarang syarat tersebut dan setelah membayar jumlah wang tersebut tiada prosiding lanjut* boleh diambil terhadap orang itu berkaitan dengan kesalahan itu.

## RESTORAN TERHAD

### Peniaga Bukan Islam Menyediakan Makanan Untuk Orang Bukan Islam

- Pemohon bukan Islam hendaklah memastikan pengecualian ini hanya bagi permohonan menyediakan makanan untuk orang bukan Islam.
- Pemohon berugama Islam adalah tidak dibenarkan.
- Pemohon membuat akuanji bahawa restoran berkenaan dikhurasukan kepada pelanggan non-muslim, dan mana-mana orang muslim hendaklah tidak dibenarkan masuk.

Pemohon yang telah diberikan kelulusan dikehendaki membuat label di bawah persyaratan Majlis Ugama Islam. Label **"RESTORAN TERHAD"** berwarna merah hendaklah dicetak oleh pihak pemohon dengan ukuran 6 inci x 20 inci.

**RESTORAN TERHAD**

بُوكِن مَكَانٍ اَنْتَقِ اَوْرَعِ اسْلَام  
Bukan Makanan Untuk Orang Islam  
Strictly for Non-Muslims

**TEMPOH SAH LAKU PENGECAULIAN AKAN DITETAPKAN OLEH PIHAK-PIHAK YANG BERKENAAN**